


Hong Leong Regular Income Fund

Kembangkan pelaburan anda dengan potensi pendapatan secara tetap



Volatiliti lebih rendah berbanding dana-dana ekuiti dengan adanya peruntukan yang lebih tinggi dalam instrumen pendapatan tetap

Mensasarkan pulangan yang lebih baik berbanding deposit tetap dalam jangka sederhana hingga panjang

Pendedahan ekuiti kepada pasaran Asia Pasifik kecuali Jepun untuk kepelbagaian

Kategori Dana	Pendapatan Tetap
Jenis Dana	Pendapatan & Pertumbuhan
Penilaian Risiko Produk	Sederhana
Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menyediakan peluang kepada pelabur untuk menikmati pendapatan secara tetap* dan mendapatkan pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga panjang** dengan melabur dalam pelbagai portfolio pelaburan yang mengandungi campuran instrumen pendapatan tetap, ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti. * Agihan pendapatan (jika ada) akan dilaburkan semula ke dalam unit-unit tambahan kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan tersebut dibayar. ** 3 hingga 5 tahun
Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana)	Instrumen pendapatan tetap: Minimum 70%, Maksimum 100% Ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti: Minimum 0%, Maksimum 30%
Pelaburan Permulaan Minimum	RM 1,000
Pelaburan Tambahan Minimum	RM 100
Caj Jualan	Sehingga 3.00% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit
Yuran Tahunan Pengurusan	Sehingga 1.50% setahun
Yuran Tahunan Pemegang Amanah	Sehingga 0.05% setahun tertakluk kepada minimum RM9,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj kustodian asing)

Penafian: Risalah ini tidak pernah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 18 Ogos 2023 (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyor atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat, ejen atau pengedar sah HLAM kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan boleh baya, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau dana bukan indikasi prestasi akan datang. Jika agihan/pecahan unit diumumkan, pelabur adalah dimaklumkan bahawa berikutan terdapatnya terbitan unit-unit tambahan/agihan, NAB seunit akan berkurangan daripada NAB sebelum agihan/NAB sebelum pecahan unit kepada NAB selepas agihan/NAB selepas pecahan unit. Di mana pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diagihkan. Di mana pembiayaan unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan penyata pendedahan risiko pembiayaan unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur seharusnya mengetahui tentang risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: Risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko kadar faedah, risiko pelaburan-semula, risiko penerbit tunggal, risiko matawang, risiko negara dan risiko derivatif. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun, dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuatkuasa dalam semua keadaan.

